

MODUL 12 - PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

1. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
 - A Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 - B Menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 - C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
 - D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang

SPM 2008

2. Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada buku Kedai Win Tee.

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No. Cek	Wang keluar (Debit)	Wang masuk (Kredit)	Baki
2007 Mac 17		00113	RM	RM 160	RM

Buku Tunai (Ruangan Bank)

2007 Mac 12	Jualan (00113)	RM 610
----------------	----------------	-----------

Maklumat tambahan:

Jumlah jualan tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM160
 - B Debit RM450
 - C Kredit RM450
 - D Kredit RM610
3. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
 - A Merekod semua wang masuk dan wang keluar perniagaan
 - B Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
 - C Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang
 - D Menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank

SPM 2008

SPM 2009

4. Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Zaman ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2008. Jualan dianggarkan berjumlah RM20 000 setiap bulan di mana 40% daripadanya diberi tempoh kredit.

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A RM28 000
- B RM20 000
- C RM12 000
- D RM8 000

SPM 2008

5. Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan?

- A Satu sistem yang mengandungi prosedur untuk mengawal penerimaan dan pembayaran tunai
- B Satu penyata yang digunakan untuk merekod urus niaga penerimaan dan pembayaran tunai
- C Satu penyata yang disediakan untuk memastikan tunai perniagaan sentiasa mencukupi
- D Satu anggaran penerimaan dan pembayaran tunai dalam sesuatu tempoh tertentu

SPM 2009

6. Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?

- I Pinjaman bank
- II Kadar bayaran
- III Peruntukan hutang ragu
- IV Susut nilai alatan pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2009

7. Apakah fungsi belanjawan tunai kepada peniaga?

- A Menunjukkan keadaan sebenar kewangan perniagaan
- B Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa hadapan
- C Menjadi panduan kepada pemiutang untuk menuntut hutang
- D Membantu peniaga mengehendkan perbelanjaan semasa

SPM 2009

8. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Gemilang Sendirian Berhad.

	RM
Baki Buku Tunai (Overdraf)	12 800
Cek belum dikemukakan	1 240
Deposit belum dikreditkan	835

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- A RM12 395
- B RM(12 395)
- C RM13 205
- D RM(13 205)

SPM 2010

9. Anggaran belian berikut dimiliki oleh Perniagaan Wawasan.

	RM
Januari	1 800
Februari	2 000
Maklumat tambahan:	
60 % daripada belian adalah secara tunai dan bakiannya dibayar pada bulan berikutnya.	

Berapakah bayaran pada bulan Februari?

- A RM2 280
- B RM2 000
- C RM1 920
- D RM1 200

SPM 2010

10. Belanjawan tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Belanjawan Tunai
Bagi Dua Bulan Berakhir 28 Februari 2011

Butir	Januari	Februari
Baki b/b	RM 5 000	RM Q
Jualan	10 000	12 000
Pinjaman bank		5 000
	10 000	17 000
Belian	6 000	7 000
Sewa	500	500
	6 500	7 500
Baki h/b	P	R

Berapakah nilai Q?

- A RM3 500
- B RM5 000
- C RM6 500
- D RM8 500

SPM 2010

11. Butir manakah direkodkan sebagai perbelanjaan dalam belanjawan tunai?

- A Susut nilai
- B Jualan tunai
- C Hutang lapuk
- D Bayar sewa kedai

SPM 2011

12. Antara yang berikut, yang manakah fungsi penyediaan Belanjawan Tunai?

- I Mengukur kemampuan tunai perniagaan
 - II Sebagai alat kawalan aliran tunai perniagaan
 - III Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank
 - IV Membandingkan prestasi perniagaan semasa dengan yang lepas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2013

13. Pilih butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.

- I Pindahan kredit
- II Faedah atas overdraf
- i) Cek belum dikemukakan
- ii) Deposit belum dikreditkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2014

14. Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2012			
		RM	RM
R			(200)
Tambah :	Cek belum dikemukakan	1000	
	Dividen	300	
			1300
			1 100
Tolak :	Deposit belum dikreditkan	700	
	Caj bank	20	
			720
S			380

Apakah R dan S?

	R	S
A	Baki debit di Buku Tunai	Baki debit di Penyata Bank
B	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai
D	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

SPM 2012

15. Antara yang berikut, yang manakah butir pembayaran dalam Belanjawan Tunai Kedai Buku Lestari?

- A Modal tambahan
- B Susut nilai mesin fotostat
- C Faedah atas pinjaman bank
- D Kutipan daripada Akaun Belum Terima

SPM 2013

16. Apakah belanjawan tunai?

- A Buku rekod wang masuk dan keluar serta baki di tangan
- B Laporan wang yang diterima dan dibayar bagi tempoh tertentu
- C Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh
- D Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan

SPM 2014

17. Apakah butir yang direkodkan dalam buku tunai yang dikemaskini?

- I Deposit yang belum dikreditkan
- II Cek yang belum dikemukakan
- III Pindahan kredit
- IV Caj bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2015

18. Mengapakah tugas pengendalian tunai diasingkan daripada tugas merekod urus niaga tunai?

- A Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum
- B Menjimatkan masa merekod ke dalam buku-buku perakaunan
- C Memudahkan kerja merekod ke dalam buku-buku perakaunan
- D Mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan wang tunai

SPM 2015

19. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Runcit Tina pada akhir bulan Januari 2015.

Buku Tunai (Ruangan bank)						
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2015		RM	2015			RM
Jan. 1	Baki b/b	10 500	Jan. 3	Luqman & Co.	04104	1 800
18	Stor Halim	670	30	Sewa	04105	1 200

Penyata Bank				
Tarikh	Butir	Wang Keluar (Dt.)	Wang Masuk (Kt.)	Baki
2015		RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b			13 200
15	Cek 04100	2 700		10 500
20	Faedah		240	10 740
31	Cek 04105	1 200		9 540

Butiran manakah yang merupakan cek belum dikemukakan?

- A Sewa
- B Faedah
- C Stor Halim
- D Luqman & Co.

SPM 2015

20. Urus niaga manakah yang akan diambil kira dalam penyediaan Penyata Belanjawan Tunai?

- A Susut nilai kenderaan
- B Ansuran bulanan kenderaan
- C Kenderaan dibeli secara kredit
- D Membawa masuk kenderaan sebagai modal

SPM 2016

21. Encik Ariffin bercadang memulakan projek ternakan ikan pada Januari 2018. Maklumat berikut diperolehi daripada belanjawan tunai beliau.

	RM
Modal:	
Tunai di bank	50 000
Peralatan	20 000
Penerimaan	175 000
Pembayaran	83 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2018?

- A RM92 000
- B RM12 200
- C RM142 000
- D RM162 000


SPM 2017

22. Sistem kawalan tunai diamalkan bertujuan untuk memastikan perniagaan

- A mendapat keuntungan
- B memperoleh jualan yang maksimum
- C menyimpan tunai yang banyak di tangan
- D mempunyai aliran tunai yang mencukupi

SPM 2017

23. Graf 1 menunjukkan maklumat mengenai anggaran jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran bagi Perniagaan Nirwana.



Graf 1

Maklumat tersebut akan digunakan untuk membuat Penyata Belanjawan Tunai. Baki akhir pada bulan Januari ialah RM20 000.

Berapakah baki akhir bulan Mac?

- A RM5 000
- B RM10 000
- C RM15 000
- D RM30 000

SPM 2016

24. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Mengetahui baki bank pada setiap akhir bulan
- B Menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank
- C Memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam Penyata Bank
- D Menunjukkan sebab perbezaan baki antara Penyata Bank dengan Buku Tunai kemas kini

SPM 2017

25. Encik Zali memulakan Pustaka Zali pada bulan April 2018. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 30 Jun 2018.

- i. Encik Zali membawa masuk cek RM20 000 ke dalam perniagaannya.
- ii. Jualan tunai bagi bulan April berjumlah RM10 000 dan akan bertambah sebanyak 10% setiap bulan.
- iii. Pada bulan Jun, sumbangan modal tambahan sebanyak RM2 000 diperoleh daripada ahli keluarga.

Berapakah jumlah penerimaan Pustaka Zali bagi bulan April, Mei dan Jun 2018?

	April (RM)	Mei (RM)	Jun (RM)
A	30 000	11 000	14 100
B	30 000	11 000	12 000
C	30 000	1 100	14 100
D	30 000	1 000	2 100

SPM 2018

26. Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diambil daripada buku Perniagaan Ahmad.

Buku Tunai				
	2017		No. Cek	RM
	Mac 20	Kadar bayaran	500102	580

Penyata Bank			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017 Mac 23	No. Cek 500102	RM 508	RM

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai yang dikemaskinikan?

A	Buku Tunai			
		2017		RM
		Mac 31	Kadar bayaran	72
B	Buku Tunai			
	2017	RM		
	Mac 31	Kadar bayaran	72	
C	Buku Tunai			
		2017		RM
		Mac 31	Kadar bayaran	580
D	Buku Tunai			
		2017		RM
		Mac 31	Kadar bayaran	508

SPM 2017

27. Maklumat berikut ialah anggaran pembayaran Kedai Sinar.
 Pada bulan September, Kedai Sinar membeli mesin bernilai RM20 000 dan membayar 40% pendahuluan. Separuh daripada pendahuluan dibayar menggunakan wang simpanannya. Baki 60% dibayar secara ansuran sebanyak lima kali bermula pada bulan berikutnya.

Catatan yang manakah yang betul?

		September RM	Oktober RM
A	Mesin	4 000	1 600
B	Mesin	4 000	3 200
C	Mesin	8 000	1 440
D	Mesin	8 000	2 400

SPM 2019

28. Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Kedai Zulaikha pada 31 Mac 2019.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2019	
X	RM (2 000)
+ Deposit belum dikreditkan:	
Sarah	3 000
	<u>1 000</u>
- Cek belum dikemukakan:	
Mira	800
Y	<u>200</u>

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
B	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki debit di Penyata bank	Baki debit di Buku Tunai

SPM 2019